

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah itu Program Bantuan Banjir?	<p>Program Bantuan Banjir disediakan bagi memberi bantuan yang berikut kepada pelanggan yang layak yang sedang mengalami kesukaran dan kesulitan dalam menangani kesan akibat daripada banjir:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penangguhan bayaran atau ansuran bulanan pinjaman/pembiayaan sehingga enam bulan*</li> <li>• Caj lewat/caj biaya/caj penalti tidak akan dikenakan semasa tempoh penangguhan.</li> <li>• Sebarang caj sampingan atau penggantian (contohnya untuk menggantikan buku simpanan, buku cek, sijil Simpanan Tetap, kad ATM, Kad Kredit dan Debit) akan diketepikan.</li> </ul> <p>*Sila ambil perhatian bahawa:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Faedah/Keuntungan akan terus terakru ke atas amaun yang tertangguh.</li> <li>ii. Bank berhak untuk mendapatkan semula kos faedah/keuntungan tambahan daripada perubahan dalam pembayaran ansuran.</li> </ol>
2	Adakah saya layak mendapat Program Bantuan Banjir?	<p>Program Bantuan Banjir disediakan kepada mana-mana pelanggan Individu Runcit dan PKS yang mana akaun pinjaman/pembiayaan/kad kredit mereka kekal aktif, iaitu tiada tunggakan bayaran melebihi 90 hari, setakat tarikh pengesahan oleh pelanggan.</p> <p>Pelanggan yang mempunyai akaun yang tertunggak melebihi 90 hari, di bawah AKPK, telah meninggal dunia atau mufliis adalah tidak layak untuk program ini.</p>
3	Apakah akaun pinjaman/pembiayaan yang layak di bawah Program Bantuan Banjir tersebut?	<p>Semua kemudahan pinjaman konvensional atau pembiayaan bercirikan Islam bagi Individu Runcit dan PKS yang telah dikeluarkan dan kekal aktif, iaitu tiada tunggakan bayaran melebihi 90 hari, setakat tarikh pengesahan oleh pelanggan.</p> <p>Untuk Kad Kredit/-i, baki Kad Kredit/-i anda yang belum jelas, pihak Bank akan memindahkan baki tertunggak kepada program penukaran baki automatik (pelan bayaran di bawah Kad Kredit/-i selama 36 bulan, dengan kadar efektif sebanyak 13.0% setahun).</p>

No.	Soalan	Jawapan
4	<i>Bilakah tarikh ia berkuat kuasa?</i>	<p><i>Apabila permohonan anda diluluskan dan Surat Tawaran Tambahan dikeluarkan/diterima.</i></p> <p><i>Untuk Pinjaman/Pembiayaan Sewa Beli di bawah Akta Sewa Beli, Pinjaman/Pembiayaan PKS Runcit dan Pembiayaan Kadar Tetap Bercirikan Islam:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Perjanjian tambahan yang memperincikan perubahan yang berkaitan akan dihantar untuk pengesahan anda.</i></li> <li>• <i>Pengesahan ini diperlukan bagi membolehkan bantuan bayaran tersebut berkuat kuasa.</i></li> </ul>
5	<i>Bagaimanakah untuk saya memohon Program Bantuan Banjir tersebut?</i>	<p><i>Untuk memohon, sila serahkan permohonan anda dengan dokumen sokongan yang berkaitan melalui mana-mana saluran yang berikut dalam tempoh 60 (enam puluh) hari kalendar dari tarikh banjir berlaku:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Menghantar permohonan anda melalui laman sesawang : <a href="http://ambank.com.my/eng/flood-relief">ambank.com.my/eng/flood-relief</a></i></li> <li>2. <i>Kunjungi cawangan AmBank kami yang terdekat</i></li> <li>3. <i>Hubungi Pusat Panggilan kami melalui 03-2178 8888 (Pelanggan Individu) – beroperasi setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam</i></li> </ol>
6	<i>Apakah dokumen yang perlu saya serahkan?</i>	<p><i>Anda perlu menyerahkan dokumen yang berkenaan yang boleh menunjukkan bahawa anda mengalami kesukaran teruk akibat banjir dalam tempoh 60 (enam puluh) hari kalendar dari tarikh banjir berlaku.</i></p> <p><i>Contohnya, dokumen sokongan daripada pihak berkuasa tempatan seperti Laporan Polis, surat pengesahan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).</i></p>
7	<p><i>Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk proses kelulusan?</i></p> <p><i>Bagaimana dan bilakah saya boleh mengetahui jika permohonan saya berjaya?</i></p>	<p><i>Pihak pengawai bank akan menghubungi anda dalam tempoh masa tiga (3) hingga lima (5) hari kalendar setelah menerima permohonan anda dan akan menyemak permohonan anda, menilai situasi anda dan berbincang mengenai penyelesaian yang sesuai dengan anda, tertakluk pada penerimaan dokumen sokongan yang mencukupi.</i></p> <p><i>Seterusnya, Bank akan memaklumkan kepada anda dalam masa empat belas (14) hari bekerja mengenai status permohonan anda.</i></p>

**AmBank / AmBank Islamic**  
**Program Bantuan Banjir**

02 Disember 2024

No.	Soalan	Jawapan
8	<p>Memandangkan saya telah mengambil Program Bantuan Bayaran/Cuti Bayaran/Pengurangan Bayaran yang sedia ada, adakah saya masih layak untuk memohon Program Bantuan Banjir tersebut?</p>	<p>Ya, Bank masih boleh menerima permohonan anda, walaupun anda telah mendaftar untuk Program Bantuan Bayaran/Cuti Bayaran/Pengurangan Bayaran yang sedia ada.</p> <p>Walau bagaimanapun, pada satu-satu masa, anda hanya boleh mendapat satu Program Bantuan Bayaran sahaja.</p> <p>Sekiranya anda memilih untuk mengambil Program Bantuan Banjir tersebut, Program Bantuan Bayaran/Cuti Bayaran anda yang sedia ada akan dibatalkan.</p>
9	<p>Bilakah saya perlu memohon? Bolehkah saya memilih untuk memohon kemudian, contohnya bilabila masa pada tahun hadapan?</p>	<p>Anda boleh memohon Program Bantuan Banjir tersebut dalam tempoh 60 (enam puluh) hari kalendar dari tarikh banjir berlaku.</p>